

BKISHHB terima kunjungan lawatan

Siaran Akhbar dan Foto : Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah



قليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسن ايمان

"ALLAH tidak membebani seseorang (dengan kewajiban) melainkan apa yang terdaya olehnya".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 286.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.06 | SUBUH 5.16 | SYURUK 6.36 | DUHA 7.00 | ZUHUR 12.35 | ASAR 3.56 | MAGHRIB 6.31 | ISYAK 7.43
TAHUN 68 BILANGAN 14 | 1 FEBRUARI 2023 / 1444 رجب 10 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit



PROFESOR Dr. Haji Abdul Somad serta rombongan semasa mengadakan lawatan ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas, atas kanan dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 Januari. - Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) telah menerima kunjungan lawatan daripada Profesor Dr. Haji Abdul Somad Batubara, baru-baru ini.

Profesor Dr. Haji Abdul Somad serta rombongan memulakan lawatan dengan menandatangani Lembaran Kenangan, diikuti

dengan penyerahan cenderamata daripada Pemangku Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad.

Rombongan kemudiannya beredar ke Galeri Pameran BKISHHB dan mengakhiri lawatan berkenaan dengan sesi bergambar ramai.

Turut hadir bersama rombongan

ke BKISHHB ialah Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Galeri-galeri Pameran di BKISHHB dibuka semula untuk kunjungan orang ramai bermula 12 Disember 2022 mulai dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang pada setiap hari kecuali Jumaat.

Antara bahan pameran yang menarik dalam sembilan galeri pameran berkenaan termasuk koleksi-koleksi mushaf pelbagai

bentuk dan ukuran, rambut mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Seterusnya, cebisan burdah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta replika kesan

tapak kaki, pedang-pedang dan tongkat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, koleksi pelbagai manuskrip Islam, peralatan Astronomi Islam, tongkat, tasbih, fosil dan banyak lagi.

